

## **KENYATAAN AKHBAR**

*untuk siaran segera*

### **BANK MUAMALAT PERLUAS PERKHIDMATAN DI MELAKA DENGAN PEMBUKAAN CAWANGAN BAHARU DI MIBC AYER KEROH**

**MELAKA, XX Jun 2025:** Bank Muamalat Malaysia Berhad (Bank Muamalat) hari ini melancarkan cawangan terbaharunya di Melaka International Bowling Centre (MIBC), Ayer Keroh, sekali gus mengukuhkan komitmen bank dalam memperluas rangkaian dan perkhidmatan perbankan Islam di negeri Melaka.

Cawangan baharu ini terletak strategik di kawasan pentadbiran negeri dan perindustrian pesat membangun, membolehkan Bank Muamalat menawarkan perkhidmatan yang menyeluruh kepada penduduk sekitar, komuniti perniagaan, dan agensi kerajaan. Antara perkhidmatan yang disediakan termasuk akaun deposit dan pelaburan, pembiayaan rumah dan perniagaan, Ar-Rahnu, Takaful, pelaburan emas dan unit amanah, serta urusan Zakat dan Tabung Haji. Bank ini turut dilantik sebagai ejen rasmi Amanah Saham Nasional Berhad.

Majlis pelancaran telah disempurnakan oleh Yang Amat Berhormat Datuk Seri Utama Ab Rauf bin Yusoh, Ketua Menteri Melaka, bersama Encik Khairul Kamarudin, Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Bank Muamalat Malaysia Berhad.

Sejak memulakan operasi pada 28 April 2025, cawangan ini telah menerima sambutan yang sangat menggalakkan dengan lebih daripada 400 pelanggan baharu dan jumlah transaksi melebihi RM4.9 juta direkodkan dalam tempoh sebulan.

Dalam majlis yang sama, Bank Muamalat turut menyampaikan sumbangan berjumlah RM6,000 kepada tiga masjid terpilih di sekitar Ayer Keroh sebagai sebahagian daripada inisiatif tanggungjawab sosial korporat (CSR).

Khairul Kamarudin, Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif berkata, “Kami percaya cawangan ini akan memperkukuh peranan kami sebagai rakan strategik kepada pembangunan negeri. Kehadiran kami di Melaka adalah manifestasi komitmen jangka



panjang Bank Muamalat untuk memperluaskan akses kewangan Islam kepada komuniti setempat, menyokong agenda digitalisasi dan memperkasa keusahawanan,”.

Pelancaran cawangan baharu ini merupakan langkah penting dalam agenda Bank Muamalat untuk membina Kehidupan Lebih Baik, Bersama dan akan terus diperluas melalui pelbagai inisiatif kemasyarakatan, perbankan digital dan pembiayaan inklusif.

Untuk maklumat lanjut, sila layari [www.muamalat.com.my](http://www.muamalat.com.my) atau hubungi Pusat Khidmat Pelanggan Bank Muamalat di 03-2600 5500.

## TAMAT

Sebarang pertanyaan media berkaitan **Bank Muamalat**, sila hubungi:

Nazrul Hafizi | [mohd.nazrul.hafizi@muamalat.com.my](mailto:mohd.nazrul.hafizi@muamalat.com.my) | +6017 921 1384

Nazrul Hafizi | [mohd.nazrul.hafizi@muamalat.com.my](mailto:mohd.nazrul.hafizi@muamalat.com.my) | +6017 921 1384